

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah dan anggaran sumber hasil maritim Malaysia mengikut kategori seperti perikanan dan hasil hidupan lain, dan lain-lain sumber seperti yang termaktub di dalam UNCLOS .

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Undang-Undang Laut (UNCLOS) merupakan satu perjanjian antarabangsa yang menyediakan rangka kerja pengawalseliaan penggunaan laut dan lautan di dunia bagi memastikan pemuliharaan dan penggunaan sumber dan persekitaran laut secara saksama. UNCLOS juga melindungi kepentingan ekonomi negara pesisir dengan memperuntukkan negara pesisir hak eksklusif kepada sumber laut dalam 200 batu nautika di luar pesisir (sehingga Zon Ekonomi Bebas).

2. Merujuk kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia, jumlah dan anggaran sumber hasil maritim Malaysia mengikut kategori perikanan dan hasil hidupan lain seperti yang termaktub di dalam UNCLOS adalah seperti berikut:

TAHUN	2016	2017	2018
PENDARATAN (mt)	1,574,447	1,465,112.8	1,452,862.3
Pelagik	666,435.9	541,304.6	550,921.3
Demersal	375,830.1	384,893.6	369,974.1
Udang	111,516.4	115,301.6	116,313.7
Sotong	73,879.9	71,243.2	69,690.7
Ketam	14,428.7	15,423.9	15,334.8
Kerangan	8,052.4	9,141.5	6,559.8
Ikan Baja	274,817.3	267,891.8	261,856.2
Ikan Campur	38,124.0	46,446.1	44,801.3
Lain-lain	11,362.8	9,197.0	14,581.9

Sekian, terima kasih.